

# Dua wakil rakyat Barisan Pulau Pinang mungkin dipecat

UM 23 NOV 2002

Oleh ROZAMAN ISMAIL  
dan MOHD SHAHAR AKASHAH

KEPALA BATAS 22 Nov. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, dua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) yang mengambil sikap berkecuali ketika pengundian usul menengguhkan Projek Jalan Lingkar Luar Pulau Pinang (PORR) di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang semalam, mungkin dipecat.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, tindakan kedua-dua wakil rakyat daripada MCA iaitu Tan Cheng Liang (Jawi) dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) itu merupakan satu kesalahan besar dan serius.

“Saya telah diberi penerangan mengenai insiden itu oleh Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Timbalannya, Datuk Dr. Hilmi Yahaya pagi ini.

“Saya telah arahkan Tsu Koon selaku Pengerusi BN negeri dan Timbalannya, Dr. Hilmi agar

segera menghantar laporan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad,” katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan Hari Raya kepada lebih 400 fakir miskin dan anak-anak yatim kawasan Kepala Batas di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kepala Batas, di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan Cheng Liang dan Boo Chang yang tidak mengundi ketika

pengundian usul yang dibawa oleh Law Heng Kiang (DAP-Batu Lanchang) pada Sidang Dewan Undangan Negeri, semalam.

Dalam usulnya, Heng Kiang meminta kerajaan negeri menengguhkan dulu pelaksanaan PORR sehingga projek Lebuhraya Jelutong (JE) yang bernilai RM400 juta siap dibina.

Dalam pengundian secara individu itu, 19 ahli Dewan daripada BN tidak bersetuju dengan usul berkenaan, tiga wakil rak-

■ Lihat muka 4

## ✓ Dua wakil rakyat Barisan Pulau Pinang mungkin dipecat

yat pembangkang bersetuju, dua iaitu Cheng Liang dan Boo Chang mengambil sikap berkecuali manakala lapan lagi wakil rakyat dipercayai berada di luar Dewan.

Boo Chang pernah mencetuskan polemik apabila bertindak keluar daripada Parti Gerakan selepas dua hari memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Datuk Keramat pada pilihan raya umum tahun 1995.

Beliau mengambil tindakan mengejut itu bersama seorang lagi wakil rakyat Gerakan iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas, Lim Chien Aun untuk meninggalkan parti pada 2 Disember 1999.

Keputusan meninggalkan parti selepas dua hari memenangi kerusi pada pilihan raya umum ke-10 itu dibuat atas alasan pucuk pimpinan Gerakan negeri pimpinan Tsu Koon terlalu lemah dan tidak berkualiti.

Tindakan yang mencetuskan polemik dan menjejaskan imej Gerakan itu menjadikan wakil rakyat BN dari parti itu tinggal lapan orang, MCA sembilan, UMNO 10 orang dan MIC seorang sehingga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad campur tangan.

Mengulas polemik terbaru ini, Timbalan Perdana Menteri berkata, kes sedemikian pernah berlaku di Dewan Undangan Negeri Sabah yang mengakibatkan seorang wakil

rakyat BN dipecat daripada parti komponen itu suatu masa dahulu.

Jawatankuasa Kerja Pusat Parti Gerakan pernah memecat Pengerusi Sementara Gerakan Sabah, Datuk Kong Hong Ming kerana bersikap berkecuali ketika pindaan lima undang-undang negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 17 Jun 1996.

Tindakan Hong Ming yang ketika itu Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah kawasan Kudat dikecam oleh para pemimpin parti komponen BN termasuk Perdana Menteri sendiri yang meminta Hong Ming mengundur diri atau menukar pendiriannya.

### Pendirian

Dalam satu lagi kes pada 21 Jun tahun yang sama, Ketua Penerangan Parti Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar Bersatu), Jahid Jahim turut dipecat daripada parti tersebut berikutan tindakannya tidak menyokong pindaan Enakmen Hutan 1968 yang diluluskan oleh dewan undangan negeri itu.

Mengenai bentuk tindakan yang akan dikenakan ke atas kedua-dua mereka (Cheng Liang dan Boo Chang), Abdullah berkata, beliau tidak mahu menyatakan jenis tindakan itu sebaliknya menegaskan tindakan perlu diambil ke atas mereka.